

Insentif untuk pemuliharaan sungai

BH. 2/4/06

KUALA LUMPUR: Kerajaan diminta mempertimbangkan pemberian insentif kepada orang ramai untuk memulihara sungai di samping meningkatkan penguatkuasaan tanpa perlu mengeluarkan belanja yang banyak.

Naib Presiden Persatuan Air Antarabangsa, Prof Dr Zaini Ujang, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi banyak menyebut mengenai cara mengatasi krisis air dan cara yang paling sesuai ialah meningkatkan penguatkuasaan.

"Kerajaan perlu meningkatkan penguatkuasaan dulu kerana dengan cara inilah pencemaran tidak berlaku atau mungkin kurang berlaku.

"Tidak perlu berbelanja terlampau tinggi untuk pemuliharaan sungai kerana melalui penguatkuasaan dan pemberian insentif kepada orang ramai supaya tidak melakukan pencemaran berterusan, sudah tentu perbelanjaan dapat dijimatkan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau mengulas peruntukan RM1.48 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) bagi memulihkan rangkaian pengagihan untuk mengurangkan kadar air tidak terhasil (NRW) daripada 38 peratus pada 2005 kepada 30 peratus menjelang 2010.

Dalam pembentangan kelmarin Perdana Menteri memberi amaran Malaysia akan mengalami krisis air dalam tempoh tidak terlalu lama jika rakyat tidak berhati-hati dan terus mengamalkan tabiat buruk sehingga mengancam sumber air.

Prof Zaini berkata, dalam situasi sekarang yang mana pencemaran sungai begitu berleluasa, peruntukan RM510 juta sebenarnya tidak mencukupi, malah peruntukan untuk memulihkan Sungai Melaka saja hampir RM200 juta, itu belum termasuk sungai lain yang teruk tercemar.

Beliau yang juga Pengarah Institut Pengurusan Alam Sekitar dan Sumber Air, Universiti Teknologi Malaysia berkata, kerajaan terlalu memberi tumpuan terhadap mengurus bekalan air tetapi terlupa aspek permintaan sekali gus memastikan pembaziran sumber itu tidak berlaku.